

Perisytiharan dan pemasyhuran dua Pro Canselor UMS baharu Jumaat ini

NST 20.11.2018 3

KOTA KINABALU: Perisytiharan dan pemasyhuran dua Pro Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu akan berlangsung pada Jumaat ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata mereka adalah Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Tan Sri Azman Hassim yang bakal dianugerahkan warkah oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin.

Tambah beliau, selain pemasyhuran Pro Canselor, Majlis Konvokesyen Ke-20 UMS pada tahun ini turut menyaksikan pemasyhuran logo Jubli Perak UMS 25 Tahun.

"Istimewanya konvokesyen UMS pada tahun ini adalah pemasyhuran dua pro canselor dan logo jubli perak yang majlisnya akan diadakan di Tamu Gadang.

"Sambutan jubli perak ini adalah simbolik kepada pencapaian UMS selepas kewujudannya selama 25 tahun.

"Tamu Gadang Ke-20 mengetengahkan imej kepelbagaiannya etnik serta produk pada setiap malam bermula 21 hingga 27 November Padang Kawad UMS.

"Justeru, kita mengalu-alukan masyarakat agar bersama-sama memeriahkan sambil meraikan graduan baharu dari dalam dan luar negara," jelasnya ketika ditemui selepas kunjungan hormat terhadap Tun Juhar di Istana Negeri, di sini hari ini.

Mengenai konsert di Tamu Gadang, D Kamarudin berkata antara barisan artis popular yang akan menghiburkan para pengunjung iaitu Wany Hasrita, Projector Band, Mus May, Haqiem Rusli, Nizam Laksamana serta Rahmad Mega.

Menurut beliau, pada tahun ini seramai 5,003 graduan daripada 14 fakulti di pusat pengajian tinggi awam itu akan menerima diploma, sarjana, sarjana muda serta doktor falsafah masing-masing bermula 24 hingga 26 November ini.

Turut hadir pada majlis itu Pengurus UMS, Datuk K.Y. Mustapha.



CENDERAMATA ... Tun Juhar (tengah) menerima cenderamata daripada K.Y. Mustapha sambil diperhatikan oleh rombongan UMS.